

# TAEKWANDO

## 1. PERATURAN TEKNIKAL

- 1.1 Pertandingan acara Taekwondo ini dijalankan mengikut undang-undang seperti berikut:-
- 1.1.1 Undang-undang dan Peraturan AM Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.
- 1.1.2 Undang-Undang **World Taekwondo Federation** (WTF).
- 1.2 Kategori yang dipertandingkan adalah kategori Kyorugi sahaja seperti berikut :

LELAKI	WANITA
Fin (Tidak Lebih 54 Kg)	Fin (Tidak Lebih 46 Kg)
Fly (54 Kg – 58 Kg)	Fly (46 Kg – 49 Kg)
Bantam (58 Kg – 63 Kg)	Bantam (49 Kg – 53 Kg)
Feather (63 Kg – 68 Kg)	Feather (53 Kg – 57 Kg)
Light (68 Kg – 74 Kg)	Light (57 Kg – 62 Kg)
Welter (74 Kg – 80 Kg)	Welter (62 Kg – 67 Kg)
Middle (80 Kg – 87 Kg)	Middle (67 Kg – 73 Kg)
Heavy (87 Kg Ke Atas)	Heavy (73 Kg Ke Atas)

- 1.3 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar hanya seorang peserta bagi setiap kategori.
- 1.4 Setiap peserta diwajibkan membuat pemeriksaan kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Kesihatan atau Pegawai yang setaraf dengannya.
- 1.5 Borang Pendaftaran Penyertaan, Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan sebelum pertandingan bermula.

## 2. PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1 Cabut undi akan dijalankan sebelum kejohanan berlangsung.
- 2.2 Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
- 2.3 Masa yang peruntukkan bagi setiap pusingan adalah selama 2 minit dan 3 pusingan akan diperuntukkan (2, 1, 2, 1, 2) untuk setiap perlawanan. Bagaimanapun ia tertakluk kepada sebarang perubahan semasa pertandingan.
- 2.4 Peserta yang kalah di separuh akhir dikira sebagai pemenang pingat gangsa bersama.
- 2.5 Peserta **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang sehari sebelum pertandingan bermula.

# PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

*Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti*



- 2.6 Berat semua peserta mestilah tetap mengikut kategori yang didaftarkan. Peserta akan digugurkan sekiranya melebihi atau berada di bawah berat kategori yang didaftarkan.
- 2.7 Timbang berat percubaan akan dijalankan satu jam sebelum timbang berat rasmi untuk mengurangkan pengguguran kategori.
- 2.8 Peralatan pertandingan hendaklah di bawa sendiri oleh pasukan/universiti masing-masing. Contoh : Head Gear, Body Protector dan lain-lain.
- 2.9 Semasa kejohanan berlangsung, sebanyak 3 panggilan akan diberikan kepada peserta yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

### 3. RINGKASAN PENYERTAAN

KATEGORI	ATLET		PEGAWAI		
	LELAKI	WANITA	PENGURUS	JURULATIH	PERUBATAN
Fin	1	1	2	2	1
Fly	1	1			
Bantam	1	1			
Feather	1	1			
Light	1	1			
Welter	1	1			
Middle	1	1			
Heavy	1	1			